

## Pelajar disaran ambil vaksin sebelum kuliah dibuka

Oleh [Zatul Iffah Zolkiply](#) - September 9, 2021 @ 4:16pm

[zatuliffah@bh.com.my](mailto:zatuliffah@bh.com.my)



Gambar hiasan. - Foto fail NSTP

KUALA TERENGGANU: Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Terengganu mempergiat pelbagai usaha bagi memastikan pelajar divaksin sebelum pulang ke kampus bagi kemasukan pelajar secara fizikal bagi Sesi Akademik 2021/2022 di universiti awam (UA) dalam semua fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) bermula bulan depan.

Rektor Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu, Prof Dr Mazidah Puteh, berkata bagaimanapun pihaknya masih menunggu keputusan rasmi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berhubung perkara berkenaan.

Beliau berkata, pihaknya masih menunggu panduan rasmi daripada Pengurusan Eksekutif UiTM untuk keseluruhan cawangan universiti itu berpandukan keputusan KPT.

Katanya, pihak universiti juga menyarankan kepada semua pelajar untuk mengemas kini status vaksinasi masing-masing di sistem eSaringc19 UiTM selain mengemas kini juga di aplikasi MySejahtera.

"Kami juga sentiasa menasihati pelajar yang belum mendapatkan vaksin untuk segera mendapatkannya seperti secara "walk-in" jika berkelayakan di pusat pemberian vaksin (PPV) berhampiran kediaman mereka.

"Secara keseluruhannya, lebih 90 peratus kakitangan termasuk tenaga pengajar di kampus ini sudah lengkap divaksin dan kita juga sedang membuat persiapan prosedur operasi standard (SOP) untuk kelas secara bersemuka terutama bagi kuliah yang memerlukan makmal amali, dapur latihan dan makmal kejuruteraan.

"Mengenai jumlah pelajar yang dibenarkan masuk dan belajar secara fizikal serta pelajar untuk Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) pula, ia akan diselaraskan apabila kita menerima garis panduan terkini daripada KPT.

"Ia akan diselaraskan di setiap UiTM di Malaysia dan kampus cawangan akan mengaplikasinya mengikut kesesuaian kapasiti dan jumlah pelajar yang ada," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Noraini Ahmad sebelum ini memaklumkan KPT merancang membuka semula institusi pengajian tinggi (IPT) untuk kemasukan pelajar secara fizikal bagi Sesi Akademik 2021/2022 dalam semua fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) bermula Oktober ini.